

Al-Quran mengajajar sains

U M M/S 10 81107

Oleh MOHD. RIDZWAN MD. IMAN
(WARTAWAN UTUSAN)

JIKA memperkatakan mengenai sains dan teknologi, umum mengetahui yang Barat telah banyak menyumbang kepada pembangunan bidang-bidang tersebut yang terdapat kini.

Bagaimanapun tidak ramai mengetahui bahawa dari zaman prasejarah sehingga kurun ke-16, para ilmuwan Islam dari rantau Asia Barat telah lama mendahului dalam pembangunan inovasi dan teknologi terkini.

Keadaan ini dapat dilihat dalam pembangunan tamadun dunia di negara-negara yang terletak antara negara India hingga Sepanyol yang telah memberi sumbangan yang tiada nilainya kepada kemajuan masa kini.

Walaupun tidak dinafikan tamadun-tamadun lain seperti China dan Barat turut bersama menyumbang kepada kemajuan sains dunia tetapi kelebihan pembangunan sains Islam adalah ke-

PAMERAN
KEGEMILANGAN SAINS
DALAM
TAMADUN ISLAM

"Sains Islam Mendahului Zaman"

melalui petunjuk-Nya.

Mengikut Dr. Zakir Naik, seorang pendakwah terkenal dari India, terdapat lebih 1,000 ayat dalam al-Quran yang berhubung dengan sains.

Petunjuk-petunjuk saintifik dalam al-Quran bukan hanya terbukti kebenarannya hasil kajian masa kini tetapi ada juga yang masih dalam peringkat kajian, teori atau hipotesis untuk difahami oleh saintis masa kini.

Sebagai contoh, proses kejadian seorang bayi (embriologi), kewujudan gunung berapi di dasar lautan, kejadian 'big bang', keunikan cap jari dan sebagainya telah diberi gambaran dalam kitab tersebut dan hanya disedari oleh

tanpa sains adalah buta."

Maka sudah tentu sebagai umat Islam, kita tentu lebih mempunyai keyakinan mengenai perkara tersebut memandangkan kita mempunyai sebuah kitab yang mampu menjadi rujukan dalam pembangunan sains.

Setiap surah dalam al-Quran terkandung maksud dan setiap ayat yang mengisinya terkandung makna dengan terlalu banyak petunjuk yang menerangkan mengenai perjalanan alam yang boleh dijadikan landasan kajian saintis.

Selain astronomi, bidang-bidang perubatan, matematik, geografi, seni bina dan teknologi reka cipta juga telah men-

Konsep al-Quran yang menganjurkan konsep berfikir, mengamati dan memerhati pula telah berjaya melahirkan kecenderungan manusia untuk mengkaji dan menyelidik yang menjadi pendorong utama kepada kegemilangan saintis Islam

ma melakukannya di rantau Asia.

Bagi MOSTI, penganjurnya di negara ini, pameran berkenaan bermatlamat menyuntik semangat dan motivasi bagi membawa anjakan paradigma pemikiran masyarakat Malaysia ke arah pembentukan sebuah masyarakat berilmu pengetahuan.

Pameran yang akan dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi itu juga selaras dengan asas keempat program Islam Hadhari yang menekankan penguasaan ilmu di kalangan umat Islam.

Pameran tertumpu kepada tempoh yang mana empayar Arab menguasai

rana ia didasarkan pengajaran agama itu sendiri.

Agama Islam merupakan agama yang mementingkan pembangunan dalam bidang keilmuan kerana ia telah dianggap sebagai suatu ibadah dan mempunyai perkaitan antaranya, secara terus atau tidak terus.

Secara terus, kita dapat melihat ilmu astronomi misalnya perlu digunakan dengan baik bagi umat Islam untuk mengerjakan solat seperti penentuan waktu yang tepat untuk sembahyang lima waktu dan menghadap Kaabah dengan lokasi yang tepat.

Bagaimanapun, apa yang lebih penting ialah kitab suci umat Islam itu sendiri iaitu al-Quran, yang diturunkan kira-kira 1400 tahun lalu telah sekian lama memberikan petunjuk mengenai proses kejadian sains yang tidak mampu difikirkan oleh mana-mana saintis di zaman tersebut.

Ketika zaman tersebut, kebanyakan manusia hanya menganggap segala proses kejadian alam sama ada di dunia atau angkasa sebagai suatu yang ghaib dan di luar pemikiran manusia.

Sememangnya al-Quran bukan merupakan kitab sains tetapi pedoman-pedoman saintifik amat banyak di dalamnya untuk dijadikan rujukan tentang bukti kebenaran segala kejadian alam

saintis zaman kini dan terdapat juga masih kurang difahami mereka.

Kemuncak tamadun Islam dapat dilihat sekitar kurun ke-13 Masihi dan Islam yang tersebar sejak kurun keenam Masihi telah mewujudkan suatu kepercayaan terhadap pemikiran terbuka dan mencari ilmu.

Al-Quran yang menganjurkan konsep berfikir, mengamati dan memerhati pula telah berjaya melahirkan kecenderungan manusia untuk mengkaji dan menyelidik yang menjadi pendorong utama kepada kegemilangan saintis Islam.

"Pendekatan beginilah yang ingin kita tekankan kepada minda umat Islam ketika ini, iaitu tidak menganggap agama itu sesuatu yang berbeza dengan kemajuan ilmu," kata Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr. Jamaludin Jarjis.

Beliau berkata, langkah kerajaan kini ialah untuk mengajak masyarakat menyeimbangkan antara ilmu wahyu dan ilmu Aqli yang telah menjadi landasan kepada kejayaan saintis-saintis Islam sebelum ini.

Kepentingan keseimbangan antara agama dan ilmu itu sebenarnya bukan sahaja diakui oleh umat Islam tetapi pemenang Hadiah Nobel, Albert Einstein sendiri pernah menyebutkan: "Sains tanpa agama adalah palsu dan agama

catatat perkembangan di zaman pembangunan tamadun Islam.

Malah kalau diteliti lebih jauh, al-Quran memberi kita petunjuk tentang ilmu biologi, botani, zoologi, perubatan, fisiologi, embriologi, psikologi, sains, teknologi dan lain-lain.

Justeru menyedari betapa pentingnya ilmu pengetahuan yang berlandaskan agama dan al-Quran, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) mengambil langkah menganjur Pameran Kegemilangan Islam bertemakan 'Sains Islam Mendahului Zaman' bermula hari ini hingga 31 Mac.

Pameran tersebut akan mempamerkan 148 bahan yang terdiri daripada replika, model, *working model*, poster yang menjadi koleksi hasil ciptaan ilmuwan Islam silam serta manuskrip dalam pelbagai bidang sains dan menjadi asas kepada kemajuan sains dan teknologi masa kini.

Bahan-bahan pameran ini sebenarnya merupakan hasil usaha dan idea selama hampir 60 tahun Prof. Dr. Fuat Sezgin, pengasas Institut Sejarah Sains Arab-Islam di Johnn Wolfgang Goethe Universiti Frankfurt, Jerman.

Bahan-bahan pameran itu selama ini sering diadakan di negara-negara Eropah dan buat pertama kalinya akan dipamerkan di Malaysia, negara perta-

awasan dari negara India sehingga ke Sepanyol.

Jasa pemimpin-pemimpin Islam atau khalifah dalam usaha mereka meningkatkan syiar ilmu turut dikenang dalam pameran ini seperti jasa Khalifah al-Ma'mum yang menubuhkan pusat ilmu di Baghdad.

Melalui pameran ini, rakyat negara ini akan mengenali lebih dekat mengenai kehebatan saintis-saintis Islam seperti Ibnu Sina, Al-Razi, Al-Biruni, Al-Khawarizmi dan sebagainya berserta ciptaan mereka yang memberi sumbangan besar kepada kemajuan sains moden.

Menurut Jamaludin, masyarakat negara ini terutama generasi muda merupakan golongan yang sepatutnya mengunjungi pameran ini.

"Jika sebelum ini mereka hanya mampu membaca atau mendengar mengenai kehebatan saintis Islam tetapi mereka kini dapat melihat sendiri model-model ciptaan saintis itu dan mengetahui bagaimana ia berfungsi," katanya.

Oleh itu sebagai rakyat Malaysia, kita tidak seharusnya melepaskan peluang mengunjungi Pameran Kegemilangan Sains dalam Tamadun Islam: Sains Islam Mendahului Zaman bermula hari ini hingga 14 Januari di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) dan 23 hingga 31 Mac di Pusat Sains Negara.